# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 809

# AKTA PERTARUHAN WANG TERKUMPUL 1967

(Disemak—2018)

DISEMAK OLEH
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968
**2018**

**AKTA PERTARUHAN WANG TERKUMPUL 1967**

Disemak sehingga … … … … 1 November 2018

Tarikh penyiaran dalam *Warta* bagi edisi semakan ini … … … 12 November 2018

Tarikh yang ditetapkan untuk mula berkuat kuasanya edisi semakan ini menurut perenggan 6(1)(xxiii) Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 [*Akta 1*] … … … 12 November 2018

---

Pertama kali diperbuat dalam tahun 1967 sebagai Akta Parlimen No. 72 tahun 1967

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

# Akta 809

# AKTA PERTARUHAN WANG TERKUMPUL 1967

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan pemakaian
2. Tafsiran
3. Anggapan mengenai pertaruhan wang terkumpul
4. Duti pertaruhan wang terkumpul
5. Lesen
6. Penubuhan Lembaga
7. Anggota Lembaga
8. Pengerusi Lembaga
9. Tatacara, dsb., Lembaga
10. Pegawai, ejen, dsb., Lembaga
11. Kontrak Lembaga
12. Kuasa untuk meminjam
13. Audit
14. Kaedah-kaedah Lembaga
15. Laporan Lembaga
16. Skim
17. Pengiraan dividen
18. Iklan
19. Pembahagian kumpulan wang Lembaga
20. Kuasa untuk pelaburan pertaruhan wang terkumpul, dsb.
21. Kesalahan

Seksyen

22. Kesalahan yang berhubungan dengan pelaburan
23. Menangkap tanpa waran
24. Kuasa untuk masuk, memeriksa buku, dsb.
25. Pengurusan pertaruhan wang terkumpul
26. Pendakwaan
27. Pemakaian Akta bagi pemegang lesen
28. Peraturan-peraturan
29. Hasil kemenangan yang tidak dituntut hendaklah dikreditkan kepada hasil
30. Pengecualian
31. Pemakaian Akta Duti Pertaruhan dan Ambil Tagan 1948
32. Kecualian

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

**Akta 809**

**AKTA PERTARUHAN WANG TERKUMPUL 1967**

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pengeluaran lesen atau penubuhan suatu Lembaga bagi mengendalikan atau menganjurkan pertaruhan wang terkumpul dan bagi perkara-perkara yang bersampingan dengannya.

[*1 November 1967*]

**Tajuk ringkas dan pemakaian**

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pertaruhan Wang Terkumpul 1967.

(2) Akta ini terpakai di seluruh Malaysia.

**Tafsiran**

**2.** Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"agensi" termasuklah subagensi;

"ejen" ertinya ejen yang dilesenkan di bawah suatu skim yang diluluskan dan termasuklah subagensi yang dilesenkan sedemikian;

"Lembaga" ertinya Lembaga yang ditubuhkan di bawah seksyen 6;

"Menteri" ertinya Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kewangan;

"pemegang lesen" ertinya orang yang kepadanya lesen dikeluarkan di bawah seksyen 5;

"pertaruhan wang terkumpul" ertinya suatu pertaruhan yang dibuat dengan cara suatu totalisator yang terletak di dalam atau di luar Malaysia berkenaan dengan apa-apa peristiwa yang ditetapkan;

"peristiwa yang ditetapkan" ertinya perlawanan bola sepak atau suatu siri perlawanan sedemikian yang diadakan di dalam atau di luar Malaysia dan apa-apa peristiwa lain yang berkenaan dengannya yang ditetapkan di bawah Akta ini bahawa pelaburan totalisator boleh diterima;

"skim yang diluluskan" ertinya suatu skim bagi pengendalian, penganjuran atau pengurusan totalisator untuk pertaruhan wang terkumpul atau pertaruhan wang terkumpul semata-mata, pemungutan pertaruhan wang terkumpul dan penubuhan agensi pertaruhan wang terkumpul yang diluluskan oleh Menteri menurut seksyen 16;

"totalisator" ertinya alat untuk pertaruhan yang dikenali sebagai totalisator atau *pari-mutuel*, atau apa-apa mesin atau peralatan pertaruhan lain yang serupa jenisnya, sama ada dikendalikan secara mekanikal atau tidak.

**Anggapan mengenai pertaruhan wang terkumpul**

**3.** (1) Bagi maksud Akta ini, apa-apa pertaruhan hendaklah disifatkan telah dibuat melalui pertaruhan wang terkumpul melainkan jika pertaruhan itu ialah suatu pertaruhan untuk mendapatkan hasil kemenangan yang ditentukan terlebih dahulu dan dalam hal tertentu pertaruhan hendaklah dianggap telah dibuat melalui pertaruhan wang terkumpul bilamana beberapa orang membuat pertaruhan—

*(a)* atas terma bahawa hasil kemenangan orang itu sebagai pemenang ialah wang tagan, atau sebahagian daripada wang tagan, atau yang ditentukan dengan merujuk kepada wang tagan, yang dibayar atau dipersetujui dibayar oleh orang itu, sama ada pertaruhan itu dibuat dengan cara suatu totalisator atau dengan mengisi dan mengembalikan kupon atau borang bercetak atau bertulis yang lain, atau bagaimana jua pun selainnya;

(*b*) atas terma bahawa hasil kemenangan orang itu sebagai pemenang ialah, atau hendaklah termasuk, suatu amaun (yang tidak ditentukan dengan merujuk kepada wang tagan yang dibayar atau dipersetujui dibayar oleh orang itu) yang boleh dibahagi mengikut apa-apa perkadaran dalam kalangan orang itu sebagai pemenang; atau

(*c*) atas asas bahawa pemenang atau hasil kemenangan mereka hendaklah, pada apa-apa takat, menurut budi bicara pemegang lesen atau Lembaga melalui pengendalian atau penganjuran pertaruhan wang terkumpul oleh pemegang lesen atau Lembaga itu sendiri, atau melalui pengendalian atau penganjuran oleh pemegang lesen atau Lembaga dengan pengendali atau penganjur di luar Malaysia yang dibenarkan mengikut Akta ini.

(2) Suatu pertaruhan ialah pertaruhan untuk mendapatkan hasil kemenangan yang ditentukan terlebih dahulu mengikut pengertian seksyen ini hanya jika setiap orang yang membuat pertaruhan itu mengetahui atau boleh mengetahui pada masa dia membuat pertaruhan itu amaun yang akan dimenanginya, kecuali setakat yang amaun itu bergantung pada keputusan peristiwa atau peristiwa-peristiwa yang dipertaruhkan atau atas apa-apa peristiwa yang sedang berlaku atau yang menghasilkan suatu keputusan atau atas bilangan yang mengambil bahagian dalam mana-mana peristiwa itu atau atas harga permulaan atau hasil kemenangan totalisator bagi mana-mana peristiwa itu atau, terdapat hasil kemenangan totalisator atas mana-mana peristiwa itu atau pada masa pertaruhannya diterima oleh mana-mana orang yang dengannya atau melaluinya pertaruhan itu dibuat.

(3) Bagi maksud subseksyen (2)—

(*a*) ungkapan "harga permulaan", berhubung dengan mana-mana peristiwa, merujuk kepada hasil kemenangan yang terdapat di tempat peristiwa itu sebaik sebelum peristiwa itu dimulakan; dan

(*b*) ungkapan "hasil kemenangan totalisator", berhubung dengan perlawanan bola sepak atau apa-apa peristiwa lain yang ditetapkan, merujuk kepada hasil kemenangan yang dibuat dengan cara suatu totalisator di tempat perlawanan atau peristiwa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Jika bayaran dibuat bagi peluang memenangi apa-apa wang atau apa-apa nilaian wang atas terma yang di bawahnya pembayar mempunyai kuasa pemilihan yang boleh secara langsung atau tidak langsung menentukan pemenang, maka, bagi maksud Akta ini bayaran itu hendaklah dikira sebagai hutang walaupun kuasa itu tidak digunakan.

**Duti pertaruhan wang terkumpul**

**4.** (1) Suatu duti yang dikenali sebagai duti pertaruhan wang terkumpul hendaklah dikenakan atas tiap-tiap pertaruhan yang dibuat melalui pertaruhan wang terkumpul yang merupakan suatu pertaruhan yang dibuat di mana-mana sahaja dengan pemegang lesen atau Lembaga berkenaan dengan pertaruhan wang terkumpul.

(2) Duti pertaruhan wang terkumpul ialah apa-apa amaun yang ditetapkan oleh Menteri.

(3) Duti pertaruhan wang terkumpul hendaklah dibayar dalam hal pertaruhan yang diterima oleh pemegang lesen, Lembaga atau ejen.

(4) Bagi maksud duti pertaruhan wang terkumpul, apa-apa bayaran yang mengehakkan seseorang membuat suatu pertaruhan melalui pertaruhan wang terkumpul hendaklah, jika dia membuat pertaruhan itu, dianggap sebagai wang tagan atas pertaruhan itu.

(5) Subseksyen (4) hendaklah terpakai bagi apa-apa bayaran yang mengehakkan seseorang mengambil bahagian dalam sesuatu transaksi yang, pada pihaknya sahaja, bukan suatu pertaruhan yang dibuat melalui pertaruhan wang terkumpul oleh sebab pada hakikatnya bukan dia yang membuat apa-apa tagan seolah-olah transaksi itu ialah suatu pertaruhan sedemikian, dan transaksi itu hendaklah dikira dengan sewajarnya sebagai suatu pertaruhan bagi maksud duti pertaruhan wang terkumpul.

**Lesen**

**5.** (1) Melainkan jika ditubuhkan suatu Lembaga di bawah seksyen 6, Menteri boleh mengeluarkan suatu lesen kepada seseorang untuk memungut, mengendalikan atau menganjurkan pertaruhan wang terkumpul.

(2) Menteri boleh enggan mengeluarkan atau membaharui lesen kepada mana-mana orang tanpa memberikan apa-apa sebab dan keputusannya adalah muktamad.

(3) Suatu lesen yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1)—

*(a)* hendaklah mengikut ap-apa bentuk yang difikirkan patut oleh Menteri;

*(b)* hendaklah tertakluk kepada pembayaran apa-apa fi bagi pengeluaran atau pembaharuan lesen itu sebagaimana yang ditetapkan;

*(c)* hendaklah sah selama satu tahun kalendar dan boleh dibaharui dari setahun ke setahun dari tarikh habis tempoh lesen itu;

*(d)* hendaklah tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Menteri dalam tempoh sah lesen itu; dan

*(e)* boleh dibatalkan oleh Menteri dalam tempoh sah lesen itu tanpa memberikan apa-apa sebab.

(4) Selepas apa-apa tarikh yang diarahkan oleh Yang di-Pertuan Agong, Menteri tidak boleh mengeluarkan atau membaharui apa-apa lesen di bawah seksyen ini.

**Penubuhan Lembaga**

**6.** (1) Bagi maksud mengendalikan, menganjurkan atau menguruskan pertaruhan wang terkumpul dan bagi maksud lain Akta ini, Yang di-Pertuan Agong boleh menubuhkan suatu Lembaga dengan apa-apa nama sebagaimana yang ditetapkan.

(2) Lembaga adalah kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan, dan boleh membawa guaman dan dibawa guaman atas namanya.

(3) Tertakluk kepada dan bagi maksud Akta ini, Lembaga boleh, atas apa-apa terma yang difikirkan patut oleh Lembaga—

*(a)* membuat kontrak; dan

*(b)* berkenaan dengan apa-apa jenis harta alih dan tak alih—

(i) memperoleh, membeli dan mengambil harta itu; dan

(ii) memegang, menikmati, memindahhakkan, menyerahhakkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadaijanjikan, mendemiskan, menyerahhakkan semula, memindahkan hakmilik, atau dengan apa-apa cara lain melupuskan atau membuat apa-apa urusan mengenai harta atau apa-apa kepentingan mengenai harta itu yang terletak hak pada Lembaga.

**Anggota Lembaga**

**7.** (1) Lembaga hendaklah terdiri tidak lebih daripada sepuluh orang anggota yang dilantik oleh Menteri atas nama atau jawatannya.

(2) Anggota Lembaga hendaklah, tertakluk kepada Akta ini, dilantik untuk memegang jawatan selama suatu tempoh tidak melebihi tiga tahun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri semasa membuat pelantikan itu, dengan syarat bahawa Menteri boleh menamatkan jawatan mana-mana anggota tanpa memberikan apa-apa sebab.

(3) Seseorang anggota Lembaga layak untuk dilantik semula.

(4) Kerusi seseorang anggota Lembaga hendaklah menjadi kosong dan kekosongan itu hendaklah disifatkan sebagai suatu kekosongan luar biasa jika dia—

*(a)* tidak menghadiri mesyuarat Lembaga empat kali berturut-turut tanpa kebenaran Lembaga;

*(b)* menjadi bankrap atau mencapai penyelesaian dengan pemiutangnya;

*(c)* disabitkan atas apa-apa kesalahan oleh mahkamah undang-undang di Malaysia dan dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang tidak kurang daripada satu tahun, dan tidak mendapat pengampunan bebas;

*(d)* menjadi gila;

(*e*) menerima atau memegang apa-apa jawatan berpendapatan di bawah Lembaga atau mempunyai kaitan secara langsung atau tidak langsung dalam apa-apa kontrak dengan Lembaga atau menyertai atau mendapat atau berhak mendapat apa-apa faedah sama ada secara langsung atau tidak langsung daripada apa-apa kerja yang dilakukan atau yang akan dilakukan untuk Lembaga atau daripada barang yang dibekalkan atau yang akan dibekalkan kepada Lembaga;

(*f*) meletakkan jawatan; atau

(*g*) mati.

(5) Apabila berlaku apa-apa kekosongan dalam jawatan anggota Lembaga, seseorang hendaklah dilantik menurut Akta ini untuk mengisi kekosongan itu dan mana-mana orang yang dilantik untuk mengisi suatu kekosongan luar biasa hendaklah, tertakluk kepada Akta ini, memegang jawatan bagi baki tempoh jawatan orang yang dia dilantik untuk menggantikannya.

(6) Menteri boleh melantik beberapa orang pegawai awam sebagaimana yang perlu untuk mengambil bahagian dalam prosiding Lembaga dan mana-mana jawatankuasa Lembaga, tetapi pegawai itu tidak berhak untuk mengundi dalam mana-mana prosiding itu.

**Pengerusi Lembaga**

**8.** (1) Pengerusi Lembaga hendaklah dilantik oleh Menteri dalam kalangan anggota Lembaga.

(2) Pengerusi hendaklah mengosongkan jawatannya jika dia berhenti menjadi anggota Lembaga.

(3) Apa-apa kekosongan yang berlaku dalam jawatan Pengerusi hendaklah diisi dengan pelantikan seorang anggota Lembaga.

(4) Seseorang yang berhenti menjadi Pengerusi Lembaga layak untuk dilantik semula.

(5) Pada mana-mana mesyuarat Lembaga—

(*a*) yang diadakan semasa kekosongan jawatan Pengerusi; atau

(*b*) yang tidak dihadiri oleh Pengerusi,

seorang anggota yang dipilih bagi maksud itu dalam kalangan anggota yang hadir pada mesyuarat itu hendaklah bertindak sebagai Pengerusi mesyuarat dan boleh menjalankan kuasa yang diberikan kepada Pengerusi.

**Tatacara, dsb., Lembaga**

**9.** (1) Kuorum Lembaga ialah majoriti anggota Lembaga yang dilantik tetapi tertakluk kepada kuorum itu Lembaga boleh bertindak walaupun ada kekosongan dalam bilangannya.

(2) Semua persoalan dalam mesyuarat Lembaga hendaklah diputuskan oleh majoriti anggota yang hadir dan mengundi sendiri.

(3) Setiap anggota yang hadir pada mesyuarat itu berhak membuang satu undi.

(4) Sekiranya bilangan undi sama banyak, anggota yang mempengerusikan mesyuarat itu hendaklah mempunyai undi kedua atau undi pemutus.

(5) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta ini, Lembaga boleh mengawal selia tatacaranya sendiri.

(6) Anggota Lembaga tidak berhak mendapat apa-apa saraan tetapi elaun boleh dibayar oleh Lembaga berkenaan dengan apa-apa perkara dan pada apa-apa kadar yang ditetapkan oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri.

(7) Lembaga boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mesyuarat Lembaga dan mengambil bahagian dalam mana-mana prosiding Lembaga, tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi dalam prosiding itu.

**Pegawai, ejen, dsb., Lembaga**

**10.** (1) Lembaga boleh melantik beberapa orang pegawai, ejen dan pekerja yang difikirkannya perlu bagi menjalankan fungsinya di bawah Akta ini dengan cekap.

(2) Kecuali mengikut dan tertakluk kepada peruntukan sesuatu skim yang diluluskan, Lembaga tidak boleh membuat atau bersetuju untuk membuat apa-apa pembayaran kepada mana-mana pegawai, ejen atau pekerja Lembaga melalui komisen, fi, ganjaran atau saraan lain yang dikira atau ditentukan atau dikaitkan dengan rujukan, secara langsung atau tidak langsung, kepada amaun apa-apa pelaburan totalisator atau pertaruhan wang terkumpul yang diterima oleh Lembaga atau oleh pegawai, ejen atau pekerja itu bagi pihak Lembaga.

(3) Seksyen 31 Akta Kontrak 1950 [*Akta 136*] dan subseksyen 26(1) dan (2) Akta Undang-Undang Sivil 1956 [*Akta 67*], yang berkaitan dengan perjanjian melalui perjudian dan pertaruhan, tidak terpakai bagi mana-mana kontrak atau perjanjian antara Lembaga dengan mana-mana pegawai, ejen atau pekerja Lembaga.

(4) Subseksyen (3) dan subseksyen 26(4) Akta Undang-Undang Sivil 1956 tidak terpakai bagi—

*(a)* apa-apa kontrak atau perjanjian yang dibuat oleh Lembaga; dan

*(b)* apa-apa wang yang kena dibayar oleh atau kepada Lembaga berkaitan dengan atau yang berbangkit daripada pengendalian, penganjuran atau pengurusan sesuatu totalisator untuk pertaruhan wang terkumpul, atau pemungutan pertaruhan wang terkumpul atau agensi pertaruhan wang terkumpul mengikut suatu skim yang diluluskan oleh Lembaga atau mana-mana pegawai, ejen atau pekerja Lembaga yang diberi kuasa dengan sewajarnya untuk bertindak sedemikian.

**Kontrak Lembaga**

**11.** (1) Apa-apa kontrak yang, jika dibuat antara orang persendirian—

*(a)* mestilah melalui surat ikatan yang hendaklah, apabila dibuat oleh Lembaga, dalam bentuk bertulis di bawah meterai perbadanan Lembaga;

*(b)* mestilah dalam bentuk bertulis yang ditandatangani oleh pihak-pihak yang dipertanggungkan dengannya yang hendaklah, apabila dibuat oleh Lembaga, sama ada dalam bentuk bertulis di bawah meterai perbadanan Lembaga atau dalam bentuk bertulis dan ditandatangani oleh mana-mana orang yang bertindak bagi pihak dan di bawah kuasa Lembaga yang nyata atau tersirat; atau

*(c)* boleh dibuat secara lisan, dalam hal apa-apa kontrak, selain kontrak yang melibatkan pembayaran apa-apa jumlah wang oleh Lembaga yang melebihi dua ratus lima puluh ringgit, yang dibuat seumpamanya oleh mana-mana orang yang bertindak bagi pihak dan di bawah kuasa Lembaga yang nyata atau tersirat.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), tiada kontrak yang dibuat oleh atau bagi pihak Lembaga boleh menjadi tidak sah hanya disebabkan oleh kontrak itu tidak dibuat mengikut cara yang diperuntukkan oleh seksyen ini, jika kontrak itu telah dibuat menurut atau untuk melaksanakan ketetapan Lembaga.

(3) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh ditafsirkan sebagai mengehadkan kuasa Lembaga berkenaan dengan penyetujuterimaan atau penerimaan pelaburan totalisator atau pertaruhan wang terkumpul mengikut suatu skim yang diluluskan dan apa-apa kaedah atau peraturan di bawah Akta ini.

**Kuasa untuk meminjam**

**12.** Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri—

*(a)* meminjam wang, sama ada melalui gadai janji, gadaian, overdraf atau selainnya; dan

*(b)* menggadaikan semua atau mana-mana harta alih atau harta tak alih, sama ada yang ada pada sekarang atau pada masa depan, dengan apa-apa cara yang difikirkan patut oleh Lembaga.

**Audit**

**13.** (1) Lembaga hendaklah melantik seorang juruaudit atau lebih yang hendaklah, sepanjang tahun, meneliti dan memeriksa akaun Lembaga.

(2) Pelantikan mana-mana orang sebagai juruaudit di bawah subseksyen (1) hendaklah mendapat kelulusan Menteri terlebih dahulu.

(3) Seorang juruaudit yang dilantik di bawah seksyen ini hendaklah mengemukakan laporan tahunan mengenai akaun Lembaga yang berkenaan dengan tahun sebelumnya kepada Lembaga dan Menteri pada atau sebelum tiga puluh Jun setiap tahun, dan hendaklah dalam laporannya menarik perhatian terhadap semua hal yang ternyata padanya bahawa Akta ini atau mana-mana skim yang diluluskan atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini telah tidak dipatuhi.

**Kaedah-kaedah Lembaga**

**14.** Lembaga boleh membuat kaedah-kaedah yang selaras dengan Akta ini atau mana-mana skim yang diluluskan atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut:

*(a)* mengawal selia tatacaranya sendiri dan penjalanan mesyuaratnya;

*(b)* mengadakan peruntukan bagi penjagaan hartanya dan penggunaan meterai perbadanannya;

*(c)* menetapkan kewajipan pegawai, ejen dan pekerjanya;

*(d)* dengan kelulusan Menteri, mengawal kemasukan orang ke mana-mana totalisator untuk pertaruhan wang terkumpul dan mana-mana premis di mana pertaruhan wang terkumpul dikendalikan, dianjurkan, diuruskan atau dipungut, dan mengadakan peruntukan bagi menahan masuk mana-mana golongan atau perihalan orang yang tertentu dari mana-mana agensi sedemikian, sama ada secara mutlak atau tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditetapkan; dan

*(e)* apa-apa maksud lain yang difikirkan perlu atau suai manfaat oleh Lembaga bagi pengendalian mana-mana skim yang diluluskan atau bagi penjalanan fungsi Lembaga.

**Laporan Lembaga**

**15.** Lembaga hendaklah, secepat yang dapat dilaksanakan selepas berakhirnya setiap tahun, menyebabkan supaya dibuat dan dihantar kepada Menteri suatu laporan yang memperkatakan secara amnya aktiviti Lembaga dalam tahun sebelumnya, dan mengandungi apa-apa maklumat yang berhubungan dengan kewangan dan dasar Lembaga sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri.

**Skim**

**16.** (1) Lembaga hendaklah, tidak lewat daripada hari yang ditetapkan bagi maksud itu oleh Menteri melalui notis bertulis yang dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga, mengemukakan kepada Menteri untuk kelulusannya suatu skim bagi pengendalian, penganjuran atau pengurusan suatu totalisator untuk pertaruhan wang terkumpul, atau mengenai pertaruhan wang terkumpul semata-mata dan agensi pertaruhan wang terkumpul dan bagi pemungutan pertaruhan wang terkumpul.

(2) Apa-apa skim yang disebut dalam subseksyen (1) boleh membuat peruntukan bagi—

*(a)* pentadbiran skim dan bagi penubuhan, penyenggaraan dan pengendalian suatu totalisator untuk pertaruhan wang terkumpul, dan agensi pertaruhan wang terkumpul dan pemungutan atau penerimaan pertaruhan wang terkumpul dan bagi menjalankan fungsi Lembaga di bawah skim itu;

*(b)* pemungutan atau penerimaan pertaruhan wang terkumpul di premis Lembaga atau agensi pertaruhan wang terkumpul kemudahan kredit pertaruhan itu, cara yang dengannya pertaruhan itu boleh dibuat dan masa yang padanya dan syarat yang menurutnya atau tertakluk kepadanya pertaruhan itu boleh dibuat atau diterima;

*(c)* penghantaran atau tiada penghantaran pertaruhan wang terkumpul yang disebut dalam perenggan *(b)* kepada totalisator untuk pertaruhan wang terkumpul atau daripada agensi kepada Lembaga;

*(d)* pembayaran di totalisator atau daripada totalisator untuk pertaruhan wang terkumpul dan agensi pertaruhan wang terkumpul bagi dividen yang kena dibayar berkenaan dengan pertaruhan wang terkumpul yang diterima dan masa yang padanya dan cara yang dengannya dividen itu boleh dibayar;

*(e)* kaedah pengiraan dividen yang kena dibayar sebagaimana yang tersebut dahulu daripada wang yang diterima sebagai pelaburan totalisator atau untuk pertaruhan wang terkumpul;

*(f)* kaedah perakaunan antara Lembaga dengan agensi pertaruhan wang terkumpul berkenaan dengan pertaruhan wang terkumpul, pelaburan, dividen dan komisen;

*(g)* pelesenan ejen untuk memungut pertaruhan wang terkumpul dan takat kewajipan dan kawasan pengendalian berkenaan dengan pemungutan itu;

*(h)* penentuan tanggungjawab dan liabiliti Lembaga atau mana-mana ejen berlesen untuk pertaruhan wang terkumpul dan perhubungan antara Lembaga dengan mana-mana ejen atau antara Lembaga atau mana-mana ejen dengan petaruh pertaruhan wang terkumpul; atau

*(i)* apa-apa perkara lain yang perlu bagi pengendalian dan pengawalan yang sepatutnya mengenai totalisator untuk pertaruhan wang terkumpul, pemungutan pertaruhan wang terkumpul, agensi pertaruhan wang terkumpul atau bagi pengendalian skim itu.

(3) Lembaga boleh mengemukakan kepada Menteri untuk kelulusannya apa-apa pengubahan apa-apa skim atau mana-mana bahagian skim itu di bawah seksyen ini, atau apa-apa skim baharu bagi menggantikan mana-mana skim sedemikian yang tersebut dahulu.

(4) Tiada skim atau mana-mana bahagian skim itu, dan tiada pengubahan mana-mana skim atau bahagian skim itu, boleh berkuat kuasa sehingga diluluskan secara bertulis oleh Menteri.

(5) Tiap-tiap skim yang diluluskan dan apa-apa pengubahan skim itu hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(6) Yang di-Pertuan Agong boleh melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* menggantung atau membatalkan mana-mana skim yang diluluskan atau pengubahan suatu skim yang diluluskan, atau mana-mana bahagian skim yang diluluskan atau pengubahan itu, dan apa-apa penggantungan atau pembatalan itu hendaklah mempunyai kesan sebagai suatu pemansuhan skim atau bahagian sedemikian, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(7) Tiada apa-apa dalam subseksyen (6) boleh menyentuh pengendalian lampau skim yang digantung, dibatalkan atau diubah sedemikian.

**Pengiraan dividen**

**17.** Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah mana-mana skim yang diluluskan, hendaklah menjadi kewajipan Lembaga untuk membayar semua wang yang telah diterima daripada pertaruhan wang terkumpul melalui dividen selepas memotong—

*(a)* amaun apa-apa duti yang dikenakan di bawah Akta ini; dan

*(b)* apa-apa komisen yang ditetapkan.

**Iklan**

**18.** (1) Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis, tidaklah menjadi suatu kesalahan bagi pemegang lesen, Lembaga atau ejen—

*(a)* untuk mempamerkan nama mana-mana agensi pertaruhan wang terkumpul pada mana-mana premis di mana agensi itu terletak;

*(b)* untuk menyiarkan apa-apa iklan yang berhubungan dengan totalisator untuk pertaruhan wang terkumpul atau yang menyatakan apa-apa senarai agensi pertaruhan wang terkumpul, nama, alamat, waktu urusan dan apa-apa nombor telefon bagi mana-mana agensi pertaruhan wang terkumpul, apa-apa kaedah, terma atau syarat yang menurutnya atau yang tertakluk kepadanya pertaruhan wang terkumpul boleh diterima di agensi itu atau menamakan peristiwa yang ditetapkan yang berkenaan dengannya pertaruhan wang terkumpul boleh diterima di mana-mana agensi itu; atau

*(c)* untuk mempamerkan apa-apa notis yang berhubungan dengan apa-apa perkara yang disebut dalam perenggan *(b)* di mana-mana agensi pertaruhan wang terkumpul.

(2) Menteri boleh, jika difikirkannya wajar demi kepentingan awam untuk berbuat demikian, melarang, menyekat atau mengawal selia apa-apa pameran atau penyiaran yang dibuat di bawah subseksyen (1).

(3) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana larangan, sekatan atau kawal seliaan yang dikenakan atau dibuat oleh Menteri di bawah subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit.

**Pembahagian kumpulan wang Lembaga**

**19.** Tertakluk kepada apa-apa peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, Lembaga boleh membahagikan apa-apa wang yang menjadi sebahagian daripada kumpulan wang Lembaga dan yang tidak dikehendakinya pada menjalankan fungsinya bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut:

*(a)* memajukan sukan secara amnya di Malaysia termasuk mengadakan padang permainan; dan

*(b)* apa-apa maksud sosial dan kebajikan yang ditetapkan.

**Kuasa bagi pelaburan pertaruhan wang terkumpul, dsb.**

**20.** (1) Walau apa pun mana-mana undang-undang lain yang berlawanan, adalah sah di sisi undang-undang bagi—

*(a)* pertaruhan wang terkumpul dibuat, dipungut atau diterima dan bagi dividen dibayar berkenaan dengan pertaruhan wang terkumpul mengikut Akta ini; dan

*(b)* mana-mana orang yang berumur lapan belas tahun ke atas untuk membeli kupon, tiket atau kad atau mengambil bahagian dalam mana-mana pertaruhan wang terkumpul yang dikendalikan mengikut Akta ini.

(2) Jika mana-mana pertaruhan wang terkumpul dibuat, dipungut, diterima, dikendalikan, dianjurkan atau diuruskan mengikut Akta ini, tiada seorang pun boleh dikenakan berkenaan dengan pertaruhan wang terkumpul itu apa-apa penalti atau pelucuthakan di bawah Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 [*Akta 289*] atau Akta Pertaruhan 1953 [*Akta 495*] atau mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa di mana-mana bahagian Malaysia yang berhubungan dengan judi, pertaruhan atau loteri.

**Kesalahan**

**21.** (1) Mana-mana orang yang—

*(a)* membuat pertaruhan atau masuk bertaruh atas keputusan sesuatu peristiwa yang ditetapkan, yang dengannya dia bersetuju untuk membayar kepada pihak yang satu lagi dalam pertaruhan itu, jika orang yang kemudian itu menang pertaruhan itu, sejumlah wang yang amaunnya bergantung pada keputusan perjalanan totalisator mengenai peristiwa itu;

*(b)* menjual atau menawarkan untuk jualan, atau yang membeli daripada mana-mana orang yang disebut dalam perenggan *(a)*, apa-apa tiket, kupon, kad atau benda yang mengehakkan atau berupa sebagai mengehakkan pembeli atau pemegang tiket, kupon, kad atau benda itu kepada apa-apa faedah daripada keputusan perjalanan totalisator mengenai apa-apa peristiwa yang ditetapkan; atau

*(c)* membuat apa-apa kontrak atau apa-apa jenis persetujuan untuk membayar atau menerima wang atas apa-apa peristiwa yang ditentukan atau yang akan ditentukan oleh keputusan perjalanan totalisator mengenai apa-apa peristiwa yang ditetapkan,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau kedua-duanya.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi—

*(a)* pemegang lesen atau Lembaga atau mana-mana pegawai, ejen atau pekerja pemegang lesen atau Lembaga semasa mengambil bahagian dalam penjalanan yang sah mana-mana totalisator bagi pertaruhan wang terkumpul atau mengenai pertaruhan wang terkumpul semata-mata mengikut Akta ini;

*(b)* lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen 5; atau

*(c)* suatu skim yang diluluskan.

**Kesalahan yang berhubungan dengan pelaburan**

**22.** Tertakluk kepada syarat lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen 5 atau apa-apa skim yang diluluskan dan apa-apa peraturan yang dibuat di bawah seksyen 28, mana-mana pegawai, ejen atau pekerja pemegang lesen atau Lembaga atau mana-mana anggota Lembaga yang—

*(a)* menerima atau membenarkan untuk diterima apa-apa pelaburan pada totalisator berkenaan dengan mana-mana peristiwa yang ditetapkan selepas peristiwa itu dimulakan;

*(b)* mendaftarkan apa-apa wang yang diterima bagi pelaburan berkenaan dengan apa-apa peristiwa yang ditetapkan pada totalisator itu selepas peristiwa itu dimulakan;

*(c)* mengambil kira apa-apa pelaburan yang tidak didaftarkan secara umum pada totalisator mengikut seksyen ini dalam pengiraan atau pembayaran apa-apa dividen;

(*d*) menerima atau membenarkan supaya diterima apa-apa pelaburan pada totalisator di mana-mana tempat selain totalisator itu sendiri; atau

(*e*) membuat, memberi kuasa, menyebabkan atau membenarkan pembayaran apa-apa dividen yang tidak dikira mengikut seksyen 17 kepada mana-mana orang,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit.

**Menangkap tanpa waran**

**23.** Mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai telah melakukan suatu kesalahan terhadap seksyen 21 atau 22, dan membawanya di hadapan Majistret untuk diperlakukan mengikut undang-undang.

**Kuasa untuk masuk, memeriksa buku, dsb.**

**24.** (1) Mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor boleh pada bila-bila masa memasuki mana-mana premis di mana apa-apa totalisator bagi pertaruhan wang terkumpul atau agensi pertaruhan wang terkumpul dikendalikan atau diuruskan bagi maksud pemeriksaan.

(2) Pegawai polis boleh semasa pemeriksaan itu—

(*a*) memeriksa apa-apa buku, akaun, rekod atau dokumen lain, atau apa-apa mesin atau kelengkapan, yang pada masa itu digunakan dalam pengendalian totalisator atau agensi itu;

(*b*) menyita mana-mana buku, akaun, rekod, dokumen, mesin atau kelengkapan yang dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai sebagai keterangan mengenai pelakuan apa-apa kesalahan terhadap Akta ini; dan

*(c)* menuntut apa-apa maklumat yang difikirkannya perlu bagi maksud pemeriksaan itu daripada mana-mana orang yang pada masa itu menjaga dan menguruskan totalisator atau agensi itu atau mana-mana bahagian totalisator atau agensi itu.

**Pengurusan pertaruhan wang terkumpul**

**25.** (1) Duti pertaruhan wang terkumpul hendaklah berada di bawah jagaan dan pengurusan Perbendaharaan dan hendaklah dibayar oleh pemegang lesen atau Lembaga pada bila-bila masa yang diarahkan oleh Perbendaharaan.

(2) Pemegang lesen atau Lembaga—

*(a)* hendaklah menyimpan dan memelihara buku, rekod, akaun atau dokumen yang berhubungan dengan urusan pertaruhan wang terkumpul dan mencatatkan di dalam buku, rekod, akaun atau dokumen itu semua transaksi pemegang lesen atau Lembaga, mengikut mana-mana yang berkenaan, dengan apa-apa cara yang diarahkan oleh Perbendaharaan; dan

*(b)* jika dikehendaki demikian oleh Perbendaharaan, hendaklah membuat pada bila-bila masa dan kepada mana-mana orang yang dinyatakan oleh Perbendaharaan apa-apa penyata atau maklumat yang berhubungan dengan urusan itu sebagaimana yang dikehendaki oleh Perbendaharaan.

(3) Buku, rekod, akaun atau dokumen yang disimpan dan dipelihara di bawah subseksyen (2) hendaklah terbuka pada setiap masa yang munasabah untuk pemeriksaan oleh seorang pegawai Perbendaharaan yang diberi kuasa atau mana-mana pegawai awam yang dilantik oleh Menteri.

**Pendakwaan**

**26.** Sesuatu pendakwaan bagi kesalahan di bawah seksyen 21 atau 22 tidak boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan Pendakwa Raya.

**Pemakaian Akta bagi pemegang lesen**

**27.** Jika suatu lesen telah dikeluarkan di bawah seksyen 5, Yang di-Pertuan Agong boleh melalui perintah memperuntukkan supaya mana-mana peruntukan Akta ini yang terpakai bagi Lembaga terpakai bagi pemegang lesen dengan apa-apa ubah suaian yang difikirkan perlu.

**Peraturan-peraturan**

**28.** (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan yang perlu atau suai manfaat bagi melaksanakan Akta ini dan bagi pentadbirannya yang wajar.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut:

*(a)* menetapkan apa-apa peristiwa yang berkenaan dengannya pelaburan totalisator boleh diterima;

*(b)* menetapkan fi yang kena dibayar bagi apa-apa perkara atau benda yang dikehendaki atau dibenarkan dilakukan di bawah Akta ini;

*(c)* menetapkan duti pertaruhan wang terkumpul atau komisen yang kena dibayar di bawah Akta ini; dan

*(d)* menetapkan apa-apa maksud sosial dan kebajikan yang berkenaan dengannya Lembaga boleh membahagikan wang daripada kumpulan wangnya.

**Hasil kemenangan yang tidak dituntut hendaklah dikreditkan kepada hasil**

**29.** (1) Jika, dalam tempoh enam bulan dari pemberitahuan keputusan, seseorang pemenang pertaruhan wang terkumpul tidak menuntut hasil kemenangan atau atas apa-apa sebab tiada pembayaran boleh dibuat berkenaan dengan hasil kemenangan, pemegang lesen atau Lembaga boleh memindahkan hasil kemenangan itu kepada Perbendaharaan dan selepas itu hasil kemenangan itu hendaklah dikreditkan kepada hasil dan tiada seorang pun berhak menuntut hasil kemenangan itu.

(2) Bagi maksud seksyen ini "hasil kemenangan" termasuklah apa-apa bentuk hadiah sama ada dalam bentuk wang atau nilaian wang yang dikeluarkan, dibahagikan atau diuntukkan berkenaan dengan pertaruhan wang terkumpul.

## Pengecualian

**30.** (1) Walau apa pun perenggan 28*(d)* *Akta Pejabat Pos 1947 [*Akta 211*], tidaklah menjadi suatu kesalahan bagi pemegang lesen atau Lembaga atau mana-mana pegawai, pekerja atau ejen pemegang lesen atau Lembaga untuk menghantar melalui pos di dalam Malaysia apa-apa kupon, tiket, kad atau borang yang dikeluarkan oleh pemegang lesen atau Lembaga, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi maksud pertaruhan wang terkumpul mengikut Akta ini dan bagi mana-mana petaruh untuk menghantar melalui pos di dalam Malaysia apa-apa kupon, tiket, kad atau borang kepada pemegang lesen atau Lembaga.

(2) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen ini, mana-mana orang yang menghantar apa-apa iklan, borang atau dokumen yang berhubungan dengan pertaruhan wang terkumpul melalui pos melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau kedua-duanya.

## Pemakaian Akta Duti Pertaruhan dan Ambil Tagan 1948

**31.** Seksyen 3, 4, 5 dan 7 Akta Duti Pertaruhan dan Ambil Tagan 1948 [*Akta 201*] hendaklah terpakai bagi pemegang lesen atau Lembaga di bawah Akta ini; dan sebutan mengenai "penganjur" yang terdapat dalam seksyen-seksyen itu hendaklah bagi maksud seksyen ini ditafsirkan sebagai sebutan mengenai pemegang lesen atau Lembaga di bawah Akta ini.

---

**NOTA*—1. Akta Pejabat Pos 1947 [*Akta 211*] telah dimansuhkan oleh Akta Perkhidmatan Pos 1991 [*Akta 465*]—*lihat* seksyen 50 Akta 465.

2. Akta Perkhidmatan Pos 1991 [*Akta 465*] telah dimansuhkan oleh Akta Perkhidmatan Pos 2012 [*Akta 741*]—*lihat* seksyen 110 Akta 741.

**Kecualian**

**32.** (1) Tiada apa-apa jua dalam Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953, Ordinan Judi Sabah [*Sabah Bab 50*] dan Ordinan Perjudian Sarawak [*Sarawak Bab 138*] boleh menyentuh apa-apa pertaruhan wang terkumpul yang dikendalikan, dianjurkan atau diuruskan di bawah Akta ini dan apa-apa sebutan dalam Akta dan Ordinan-Ordinan itu mengenai judi, pertaruhan atau loteri hendaklah disifatkan tidak termasuk sebutan mengenai pertaruhan wang terkumpul yang dikendalikan, dianjurkan atau diuruskan di bawah Akta ini.

(2) Akta Pertaruhan 1953 tidaklah terpakai bagi pemegang lesen atau Lembaga yang mengendalikan, menganjurkan atau menguruskan pertaruhan wang terkumpul di bawah Akta ini atau bagi pegawai, ejen, atau pekerja pemegang lesen atau Lembaga atau mana-mana orang yang membuat apa-apa pertaruhan melalui pertaruhan wang terkumpul itu.

(3) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh menyentuh Akta Perlumbaan (Lembaga Totalisator) 1961 [*Akta 494*] mengenai penjalanan pertaruhan oleh Lembaga Totalisator atau agensi totalisator yang ditubuhkan atau mana-mana kelab lumba kuda yang dibenarkan di bawah Akta itu.

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 809

## AKTA PERTARUHAN WANG TERKUMPUL 1967

(Disemak—2018)

*Butir-butir di bawah perenggan 7(ii) dan (iii) Akta Penyemakan Undang-Undang 1968* [*Akta 1*]

SENARAI PINDAAN

| Undang-undang yang meminda | Tajuk ringkas | Berkuat kuasa dari |
|---|---|---|
| Akta 65 | Akta Cukai Perjudian 1972 | 01-03-1972 |
| Akta 160 | Akta Mata Wang Malaysia (Ringgit) 1975 | 29-08-1975 |

---

SENARAI UNDANG-UNDANG ATAU BAHAGIAN-BAHAGIANNYA YANG DIGANTI

| No. | Tajuk |
|---|---|
| No. 72 tahun 1967 | Act Pertarohan Pool, 1967 |

---

## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 809

## AKTA PERTARUHAN WANG TERKUMPUL 1967

(Disemak—2018)

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

| Seksyen | Kuasa meminda | Berkuat kuasa dari |
|---|---|---|
| 4 | Akta 65 | 01-03-1972 |
| 28 | Akta 65 | 01-03-1972 |
| Keseluruhan Akta | Akta 160 | 29-08-1975 |

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 809

## AKTA PERTARUHAN WANG TERKUMPUL 1967

(Disemak—2018)

SENARAI PINDAAN YANG DIBUAT OLEH PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG DI BAWAH SEKSYEN 6 AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968 [AKTA 1]

| Peruntukan | Butir-butir pindaan | Kuasa untuk meminda |
|---|---|---|
| Susunan kandungan | Susunan kandungan dipinda | perenggan 6(1)(vii) |
| Keseluruhan Akta | 1. Ejaan dikemas kini selaras dengan ejaan yang diluluskan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka | perenggan 6(1)(xxa) |
| | 2. Perkataan "Akta" menggantikan "Act" | perenggan 6(1)(xxa) |
| | 3. Perkataan "pertaruhan wang terkumpul" menggantikan "pertaruhan pool" | perenggan 6(1)(xxa) |
| | 4. Perkataan "Malaysia" menggantikan "Persekutuan" | perenggan 6(1)(xvii) |
